

*Pelanggan-pelanggan yang dihormati,*

*Kami kongsikan pendahuluan ini untuk membantu anda memahami perlindungan data dan amalan privasi kami.*

**Dasar Sah dan Telus: Kami hanya mengumpul apa yang diperlukan**

*Kami mengamalkan suatu pendekatan “Data-light, Data-tight” yang pragmatik dalam pengendalian perniagaan kami. Kami menjalankan audit maklumat untuk mengenalpasti maklumat yang diproses dan siapa yang boleh mengakses maklumat tersebut. Terdapat justifikasi undang-undang bagi aktiviti-aktiviti pemprosesan data ini. Syarikat kami telah mengemukakan maklumat yang jelas tentang pemprosesan data kami dalam perniagaan-perniagaan berlainan dan justifikasi undang-undang dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi Kumpulan Capitaland (Lihat lampiran).*

**Bagaimana kami mengamalkan Keselamatan Data**

*Pelindungan data diambil kira pada setiap masa, bermula dari waktu kami mengumpul data peribadi anda dalam aktiviti-aktiviti perniagaan kami. Kami menyulitkan, menyamarkan atau menyingkirkan data tersebut seboleh mungkin. Ini adalah sesuatu yang diambil maklum oleh pekerja kami. Kami mempunyai polisi perlindungan dalaman dan polisi keselamatan IT untuk pekerja kami dan membina kesedaran terhadap perlindungan data. Pemimpin-pemimpin perniagaan kami ambil tahu apabila penilaian impak perlindungan data perlu dilakukan dan kami mempunyai proses untuk melaksanakannya. Bagi hal pelanggaran data, kami mempunyai proses untuk memaklumkan pihak berkuasa dan pemegang amanah yang lain berteraskan polisi laporan pelanggaran data dalaman dan program pengurusan kesinambungan perniagaan.*

**Akauntabiliti dan Tadbir Urus adalah Keutamaan kami**

*Kami mempunyai Perlindungan Data “by design and by default”. Syarikat kami telah melantik pemimpin-pemimpin perniagaan dan pakar perlindungan data di seluruh syarikat untuk memastikan pematuhan terhadap GDPR Kesatuan Eropah, Akta Perlindungan Data Singapura dan perundangan perlindungan data lain yang terpakai di negara-negara di mana kami beroperasi. Kami telah menandatangani perjanjian pemprosesan data dengan pihak-pihak ketiga yang memproses data peribadi di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan. Kami mempunyai rangkaian global Pegawai Perlindungan Data dalaman di negara-negara/kawasan-kawasan kami beroperasi, yang arif dengan aktiviti-aktiviti perniagaan kami dan pemprosesan data, untuk memastikan data peribadi anda dilindungi menurut polisi kami dan perundangan berkaitan. Memandangkan syarikat kami mempunyai ibu pejabat di luar Kesatuan Eropah, kami juga telah melantik wakil di Kesatuan Eropah.*

**Kami menghormati Hak Data dan Privasi anda**

*Kami mempunyai prosedur keselamatan yang sewajarnya untuk mengendalikan pelanggan-pelangan kami yang membuat permintaan mengenai data peribadi mereka bersama kami. Ia adalah mudah bagi pelanggan-pelangan kami untuk membuat pembetulan atau mengemaskini maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap. Kami tidak melakukan proses automatik untuk*

*membuat keputusan tentang pelanggan-pelanggan kami. Jika terdapat sebarang penggunaan Kecerdasan Buatan/Pembelajaran Mesin atau penggunaan kuki di laman web kami untuk membuat keputusan, hal ini telah dimaklumkan kepada pelanggan-pelanggan kami di dalam laman web berkaitan dimana aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan.*

## **Dasar Perlindungan Data Peribadi Kumpulan CapitaLand**

**Perlindungan Data Peribadi adalah penting bagi kami.**

Perlindungan Data Peribadi anda adalah penting bagi kami. Dasar Perlindungan Data Peribadi CapitaLand (“**Dasar**”) ini merangka bagaimana kami menguruskan Data Peribadi yang kami pegang di dalam “*One CapitaLand Ecosystem*”. Dasar ini adalah terpakai kepada:

- a) CapitaLand Development Private Limited (CLD) (No. Pendaftaran 201109018N) yang memegang aset-aset pembangunan dan membina harta tanah;
- b) CapitaLand Investment Limited (CLI) (No. Pendaftaran 200308451M) yang memegang REIT, dana-dana persendirian, pengurus-pengurus harta tanah dan bisnes hospitaliti; dan/atau
- c) koperasi-koperasi dan ahli-ahli gabungan yang berkaitan dengannya;

(dirujuk di bawah sebagai “CapitaLand”, “Kumpulan CapitaLand”, atau “kami”) secara kolektif atau tunggal apabila diperlukan oleh konteks, mengiktirafkan kepentingan untuk melindungi Data Peribadi.

Kami menghormati kerahsiaan Data Peribadi dan privasi individu-individu dan adalah komited untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi Singapura (Akta 26 bagi 2012) (“**PDPA**”) dan perundangan perlindungan data lain yang terpakai, termasuk Peraturan Perlindungan Data Umum (*General Data Protection Regulations*) (“**GDPR**”) dari Kesatuan Eropah (*European Union*) (“**EU**”) yang mana adalah terpakai. Sila baca Dasar ini supaya anda mengetahui dan memahami tujuan-tujuan dimana kami mengumpulkan, menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi anda.

Kami mengamalkan suatu pendekatan “*Data-light, Data-tight*” yang pragmatik dalam pengendalian perniagaan kami.

“*Data-light*” ertinya kami mengumpulkan Data Peribadi hanya untuk apa yang diperlukan dalam perniagaan atau dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh organisasi kami dan akan memusnahkan Data Peribadi dengan betul sekiranya tidak terdapat tujuan perniagaan atau undang-undang. Kami tidak mengumpulkan Data Peribadi secara rawak atau secara sembarangan tanpa tujuan.

“*Data-tight*” ertinya kami tidak menzahirkan Data Peribadi anda melainkan persetujuan telah diperolehi sebelum itu dan kami mempunyai langkah-langkah keselamatan pentadbiran, fizikal dan Teknologi Maklumat (*Information Technology-IT*) untuk melindungi Data Peribadi anda.

Dasar ini menambah tetapi tidak melangkaui atau menggantikan mana-mana persetujuan lain yang mungkin telah anda dahulunya berikan kepada kami berkenaan dengan Data Peribadi anda. Dasar ini juga tidak menjelaskan apa-apa hak yang mana-mana ahli Kumpulan CapitaLand mungkin punyai di sisi undang-undang berhubung dengan pengumpulan, penggunaan atau penzahiran Data Peribadi anda.

Untuk mengelakkan keraguan, setakat tahap maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, Dasar ini tidak mewujudkan sebarang liabiliti bersama dan berasingan (*joint and several liability*) bagi pihak ahli-ahli Kumpulan CapitaLand.

Secara umum, kami memproses Data Peribadi anda untuk satu atau lebih daripada satu tujuan-tujuan tertentu yang dikenal pasti dalam Dasar ini berdasarkan persetujuan anda yang diperolehi. Dimana GDPR diguna pakai, asas undang-undang bagi pemprosesan Data Peribadi anda adalah untuk kepentingan sah yang diikuti oleh kami, atau pihak ketiga lain yang dinyatakan dalam perenggan 3.8 Dasar ini. Kepentingan-kepentingan sah ini termasuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada anda dimana anda adalah pelanggan kami, menguruskan hubungan antara CapitaLand dengan anda dan memudahkan tujuan-tujuan perniagaan dalaman dan tujuan-tujuan pentadbiran dalaman. Dalam beberapa kes, pembekalan dan pemprosesan Data Peribadi anda mungkin merupakan suatu keperluan di sisi undang-undang dan/atau kontraktual, atau mungkin diperlukan untuk melaksanakan sebarang kontrak yang telah anda mempersetujui dengan kami atau melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta.

Tambahan pula, jika Data Peribadi anda telah disimpan, digunakan atau dizahirkan oleh kami di bidang kuasa yang mempunyai kehendak-kehendak atau pengecualian kepada definisi Data Peribadi termasuk Data Peribadi Sensitif, kami akan mematuhi kehendak-kehendak tersebut di bawah peraturan-peraturan data peribadi terpakai di bidang kuasa tersebut.

## **1. Data Peribadi Anda**

- 1.1. “Data Peribadi” merujuk kepada mana-mana data atau maklumat mengenai anda dimana anda boleh dikenal pasti sama ada (a) dari data tersebut sahaja; atau (b) dari data tersebut digabungkan dengan maklumat lain. Contoh-contoh bagi Data Peribadi sedemikian dimana anda mungkin berikan kepada kami adalah termasuk (bergantung pada sifat interaksi anda dengan kami):
- a) nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport atau nombor pengenalan lain, nombor(-nombor) telefon, alamat surat-menjurut, alamat emel, imej muka dalam gambar atau rakaman video, cap jari anda dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan anda dimana anda telah berikan kepada kami dalam sebarang bentuk yang mana mungkin anda telah serah kepada kami, atau dalam bentuk interaksi yang lain dengan anda;
  - b) maklumat mengenai penggunaan laman-laman web dan perkhidmatan-perkhidmatan kami oleh anda, termasuk kuki (“cookies”), alamat-alamat IP, butir-butir akaun langganan dan butir-butir keahlian;
  - c) sejarah pekerjaan, latar belakang pendidikan, dan tahap-tahap pendapatan anda; dan
  - d) maklumat berkaitan dengan pembayaran anda, seperti akaun bank anda atau maklumat kad kredit, dan sejarah kredit anda.

## **2. Pengumpulan Data Peribadi**

- 2.1 Secara umum, kami mengumpul Data Peribadi anda dalam cara-cara yang berikut:
- a) apabila anda mengemukakan borang-borang yang berkaitan dengan apa-apa produk atau perkhidmatan kami, atau mengemukakan apa-apa pertanyaan dalam talian;
  - b) apabila anda mendaftarkan untuk atau menggunakan apa-apa perkhidmatan dalam laman-laman web yang dimiliki atau dikendalikan oleh kami atau apabila anda mendaftar sebagai seorang ahli kepada laman-laman web yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh kami;
  - c) apabila anda mendaftar atau menggunakan apa-apa perkhidmatan kami, termasuk mengakses harta tanah kami atau apabila anda mendaftar untuk penginapan di pangsapuri-pangsapuri perkhidmatan atau hotel-hotel kami, melalui petak daftar masuk atau kiosk layan diri yang terletak di harta tanah kami;
  - d) apabila anda berinteraksi dengan pegawai-pegawai khidmat pelanggan kami atau mana-mana pekerja kami, melalui perjumpaan-perjumpaan bersemuka, interaksi-interaksi perniagaan dalam acara-acara dan pameran-pameran, panggilan-panggilan telefon, surat-surat, borang-borang dalam talian (seperti sebarang borang "Hubungi Kami" dalam laman-laman web kami), perbualan tempahan dalam talian, platform-platform media sosial dan emel-emel;
  - e) apabila anda menggunakan atau membeli perkhidmatan-perkhidmatan atau produk-produk kami;
  - f) apabila anda menubuhkan apa-apa akaun dalam talian dengan kami (seperti akaun Ascott Star Rewards);
  - g) apabila anda meminta kami untuk menghubungi anda;
  - h) apabila anda membalaas permintaan kami tentang Data Peribadi tambahan;
  - i) apabila anda meminta untuk dimasukkan dalam suatu emel atau senarai mel yang lain;
  - j) apabila anda membalaas promosi-promosi kami atau inisiatif yang lain;
  - k) apabila anda membalaas kaji selidik pasaran kami;
  - l) apabila anda menyerahkan suatu permohonan pekerjaan atau suatu permohonan biasiswa;
  - m) apabila kami menerima rujukan-rujukan daripada rakan kongsi perniagaan dan pihak ketiga, sebagai contoh, dimana anda telah dirujuk oleh mereka;
  - n) apabila anda mengemukakan Data Peribadi anda kepada kami untuk apa-apa tujuan yang lain; dan
  - o) apabila anda melayari laman web kami. Sila rujuk kepada Dasar Cookie di perenggan 8 di bawah untuk maklumat yang lanjut.

Kami mungkin memantau atau mencatat panggilan-panggilan telefon dan interaksi-interaksi menghadapi pelanggan untuk jaminan kualiti, latihan pekerja dan penilaian prestasi, tujuan-tujuan pengesahan identiti, dan semasa menerima maklum balas, membalaas pertanyaan-pertanyaan dan permintaan-permintaan anda dan menyelesaikan

aduan-aduan dan tujuan-tujuan lain yang berkaitan. Pemantauan atau pencatatan sedemikian adalah menurut undang-undang yang terpakai.

- 2.2 Sekiranya anda membekalkan Data Peribadi seorang pihak ketiga (seperti maklumat tanggungan, pasangan, anak dan/atau ibu bapa) kepada kami, anda merepresentasi dan menjamin bahawa pengumpulan, penggunaan dan penzahiran Data Peribadi tersebut kepada kami, serta pemprosesan Data Peribadi tersebut yang selanjutnya oleh kami untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di bawah, adalah sah.

### **3. Penggunaan dan Penzahiran Data Peribadi**

- 3.1. Perniagaan kami adalah untuk memahami dan memenuhi keperluan anda dan membekalkan anda dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda perlukan. Untuk melakukan ini dengan berkesan, kami perlu mengumpul pelbagai Data Peribadi tentang anda.
- 3.2 Secara umum, kami akan, tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, mengguna dan menzahir Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang berikut:
- a) membekalkan anda dengan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diminta;
  - b) membantu kami mengkaji semula, membangunkan, menguruskan penyampaian dan – setakat ini memerlukan penggunaan Data Peribadi – mempertingkatkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan, termasuk menganalisis keperluan pelanggan masa depan, menjalankan penyelidikan pasaran dan analisis data (yang tidak melibatkan pemprofilan automatik atau mengakibatkan aktiviti keputusan secara automatik yang dikawal di bawah GDPR);
  - c) berkomunikasi dengan anda dan membalaas pertanyaan-pertanyaan, permintaan-permintaan dan aduan-aduan anda;
  - d) membekalkan maklumat yang berterusan mengenai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami yang mungkin menarik minat anda;
  - e) mengendalikan pertikaian-pertikaian dan menjalankan dan memudahkan siasatan-siasatan dan prosiding-prosiding;
  - f) melindungi dan menguatkuasakan hak-hak dan obligasi-obligasi kontraktual kami dan di sisi undang-undang;
  - g) mencegah, mengesan dan menyiasat jenayah, termasuk penipuan dan pencucian wang, dan untuk menganalisis dan mengurus risiko komersial yang lain;
  - h) menguruskan infrastruktur dan operasi perniagaan kami dan mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur dalaman;
  - i) memudahkan urus niaga asset perniagaan (yang mungkin meliputi sebarang penggabungan, pengambilalihan atau penjualan asset yang melibatkan mana-mana entiti Kumpulan CapitaLand; dan

- j) mematuhi mana-mana kaedah, undang-undang dan peraturan yang terpakai, kod-kod amalan atau garis panduan atau membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan siasatan-siasatan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

3.3 Tambahan pula, kami mungkin menggunakan dan menzahir Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang berikut dengan bergantung kepada sifat hubungan kami dengan anda:

**a) Sekiranya anda mempunyai suatu akaun keahlian dengan kami (sebagai contoh, sebagai seorang ahli kepada CapitaStar atau Ascott Star Rewards):**

- (i) memproses permohonan anda untuk akaun tersebut;
- (ii) mengekalkan akaun anda dengan kami;
- (iii) mengesahkan butir-butir peribadi anda dan memproses permintaan pembayaran berhubung dengan pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda mungkin layak atau yang anda mungkin akan minta;
- (iv) membekalkan anda dengan barang-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah daftarkan oleh anda;
- (v) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain, termasuk untuk tujuan perkhidmatan kepada anda berhubung dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditawarkan kepada anda;
- (vi) menyelesaikan aduan-aduan dan mengendalikan permintaan-permintaan dan pertanyaan-pertanyaan;
- (vii) menjalankan penyelidikan pasaran untuk statistik, analisis pemprofilan dan statistik untuk mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada anda; dan
- (viii) memproses Data Peribadi anda berkaitan dengan mana-mana tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

**b) Sekiranya anda memuat turun atau mengguna mana-mana aplikasi mudah alih (apps):**

- (i) memproses permohonan anda untuk perkhidmatan langganan jika ia adalah disediakan dalam apps;
- (ii) mengekalkan akaun anda dengan kami;
- (iii) mengesahkan dan memproses butir-butir peribadi anda dan memproses permintaan pembayaran berhubung dengan pembekalan barang-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang bersambung kepada apps;
- (iv) membekalkan anda dengan barang-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah daftarkan oleh anda;

- (v) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan kepada dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain, termasuk untuk tujuan perkhidmatan kepada anda berhubung dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditawarkan kepada anda;
  - (vi) menyelesaikan aduan-aduan dan mengendalikan permintaan-permintaan dan pertanyaan-pertanyaan;
  - (vii) menjalankan penyelidikan pasaran untuk statistik, analisis pemprofilan dan statistik untuk mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada anda; dan
  - (viii) memproses Data Peribadi anda berkaitan dengan mana-mana tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.
- c) **Sekiranya anda adalah seorang bakal penyewa atau seorang penyewa harta tanah kami:**
- (i) menjalankan pemeriksaan usaha yang wajar (*due diligence*);
  - (ii) menyediakan dokumentasi pajakan dan/atau lesen dan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan;
  - (iii) melaksanakan pengurusan pajakan dan/lesen;
  - (iv) melaksanakan transaksi-transaksi kewangan seperti pembayaran sewa;
  - (v) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain; dan
  - (vi) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- d) **Sekiranya anda adalah seorang bakal pengguna atau pengguna ruang kerja bersama (*co-working space*) (e.g Bridge+):**
- (i) menjalankan pemeriksaan usaha yang wajar (*due diligence*);
  - (ii) menyediakan perjanjian-perjanjian dan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan untuk penggunaan ruang kerja bersama oleh anda;
  - (iii) melaksanakan pengurusan perjanjian-perjanjian yang anda ada dengan kami, termasuk akses ke ruang kerja bersama kami;
  - (iv) melaksanakan transaksi-transaksi kewangan seperti pembayaran;
  - (v) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain; dan
  - (vi) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- e) **Sekiranya anda adalah seorang bakal pengguna atau pengguna pusat data (*data centre*) kami dan bagi sebarang tujuan yang munasabah untuk pengendalian perjanjian anda, pendudukan atau untuk pengurusan pusat data kami oleh kami atau mana-mana pembekal perkhidmatan kami yang sah:**

- (i) menjalankan pemeriksaan usaha yang wajar (*due diligence*);
  - (ii) menyediakan perjanjian-perjanjian dan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan untuk penggunaan pusat data oleh anda;
  - (iii) melaksanakan pengurusan perjanjian-perjanjian yang anda ada dengan kami, termasuk akses ke pusat data kami;
  - (iv) melaksanakan transaksi-transaksi kewangan seperti pembayaran;
  - (v) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain; dan
  - (vi) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- f) Sekiranya anda ingin membeli harta tanah dari kami atau telah menyatakan minat untuk membeli harta tanah daripada kami:**
- (i) menjalankan pemeriksaan usaha yang wajar (*due diligence*);
  - (ii) menyediakan dokumentasi jualan dan apa-apa dokumen lain yang diperlukan;
  - (iii) melaksanakan pengurusan penjualan termasuk menyerahkan pemilikan harta tanah dan mengurus pemberian kecatatan;
  - (iv) melaksanakan transaksi-transaksi kewangan seperti pembayaran progress untuk jualan;
  - (v) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain;
  - (vi) mematuhi mana-mana obligasi undang-undang atau kawal selia yang berkaitan, termasuk menyelenggara daftarai strata bagi pembangunan harta tanah; dan
  - (vii) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- g) Sekiranya anda seorang residen di salah satu pangsapuri perkhidmatan atau hotel, atau seorang pekerja atau suatu organisasi yang merupakan pelanggan kepada pangsapuri perkhidmatan atau hotel kami:**
- (i) menjalankan pemeriksaan usaha yang wajar (*due diligence*);
  - (ii) menubuhkan profil pengguna untuk meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan dan untuk tujuan pemasaran;
  - (iii) memenuhi tujuan-tujuan jaminan kualiti, latihan pekerja dan penilaian prestasi;
  - (iv) mengekalkan hubungan pelanggan;
  - (v) menyediakan dokumentasi pajakan dan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan;
  - (vi) melaksanakan pengurusan pajakan;

- (vii) melaksanakan transaksi-transaksi kewangan seperti pembayaran bagi tempoh penginapan dan menguatkuasa kewajipan pembayaran balik, pengurusan risiko kredit dan dalaman;
  - (viii) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain; dan
  - (ix) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- h) Sekiranya anda adalah seorang pemegang saham atau pemegang unit saham atau pemegang Stapled Securityholder saham kami:**
- (i) menguruskan perhubungan tersebut, termasuk pengesahan identiti anda dan/atau identiti proksi anda (sebagaimana yang berkenaan);
  - (ii) memaklumkan anda tentang prestasi kami dan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang kami berikan kepada pelanggan kami melalui penghantaran surat-surat pekeliling, laporan-laporan, surat berita dan komunikasi;
  - (iii) berkomunikasi dengan anda tentang perubahan dan perkembangan dasar-dasar, terma-terma dan syarat-syarat kami dan maklumat pentadbiran lain; dan
  - (iv) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- i) Sekiranya anda adalah seorang vendor, bakal vendor atau seorang kontraktor:**
- (i) menilai cadangan anda;
  - (ii) menjalankan pemeriksaan latar belakang terhadap anda;
  - (iii) berkomunikasi dengan kakitangan anda yang ditugaskan, selepas pemberian kontrak, yang berada dalam harta tanah kami untuk melaksanakan kerja atau perkhidmatan, dan untuk sebarang kecemasan atau/dan masalah keselamatan; dan
  - (iv) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.
- j) Sekiranya anda mengemukakan suatu permohonan kepada kami sebagai seorang calon untuk pekerjaan:**
- (i) memproses permohonan anda termasuk pemeriksaan pra-pengambilan;
  - (ii) menyediakan atau mendapat rujukan untuk pemeriksaan latar belakang / vetting;
  - (iii) mengumpul maklumat mengenai kesesuaian anda untuk jawatan yang dipohon;

- (iv) menganjurkan program-program latihan dan pembangunan pekerja;
- (v) menilai prestasi anda;
- (vi) menguruskan pemprosesan faedah-faedah dan gaji;
- (vii) membekalkan anda dengan alat-alat untuk memudahkan atau seperti yang diperlukan untuk anda melakukan pekerjaan anda;
- (viii) berkomunikasi dengan anda untuk mematuhi dasar-dasar dan proses-proses kami, termasuk untuk tujuan kesinambungan perniagaan; dan
- (ix) mana-mana tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana dinyatakan di atas.

**k) Sekiranya anda adalah seorang pekerja yang sedia ada, Dasar Perlindungan Data Peribadi Pekerja Kumpulan CapitaLand juga akan diguna pakai atas anda.**

- 3.4 Tujuan-tujuan di atas adalah tidak lengkap, dan bergantung kepada jenis hubungan anda dengan kami (sebagai contoh, sekiranya anda adalah seorang ahli CapitaStar atau Ascott Star Rewards), kami mungkin mengumpul, menggunakan dan menzahir Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan tambahan dimana anda akan dimaklumkan, mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diguna pakai.
- 3.5 Apabila anda memohon untuk atau memegang suatu produk jenama bersama (*co-brand product*) yang ditawarkan oleh kami bersama-sama dengan rakan(-rakan) kongsi jenama bersama (*co-brand partner(s)*) kami, kami mungkin mengumpul, menggunakan dan menzahir Data Peribadi anda untuk tujuan berkongsi Data Peribadi anda dengan rakan-rakan kongsi jenama bersama untuk menawarkan, memasarkan dan mempromosikan kepada anda apa-apa produk, perkhidmatan, tawaran atau acara dimana rakan kongsi jenama bersama berpendapat mungkin akan menarik minat anda. Kami hanya akan berkongsi Data Peribadi anda dengan rakan-rakan kongsi jenama bersama apabila dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi dikumpulkan oleh pengendali-pengendali pihak ketiga harta tanah kami tidak dilindungi oleh Dasar ini. Pengendali-pengendali pihak ketiga merujuk kepada pengendali yang bukan ahli Kumpulan CapitaLand. Pengendali-pengendali pihak ketiga menjalankan perniagaan mereka di kemudahan ini secara bebas daripada Kumpulan CapitaLand dan Data Peribadi individu seperti tetamu-tetamu dan vendor-vendor dikumpulkan oleh pengendali-pengendali pihak ketiga untuk diri mereka sendiri. Kumpulan CapitaLand tidak mempunyaki akses ke Data Peribadi tersebut. Individu-individu harus memeriksa secara langsung dengan pengendali-pengendali pihak ketiga mengenai hak data mereka.
- 3.6 Dimana anda telah membekalkan kami dengan persetujuan tertentu, kami juga mungkin menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang berikut:
  - a) menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan memperluaskan faedah-faedah kepada anda, termasuk promosi-promosi, program-program kesetiaan dan ganjaran, menghantarkan anda pengemaskinian pasaran industri (sebagai contohnya dalam harta

tanah), surat berita (sebagai contohnya mengenai harta tanah) dan maklumat lain mengenai produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, tawaran-tawaran atau promosi-promosi yang mungkin menarik minat anda dan menjalankan penyelidikan pasaran untuk mengembangkan tawaran-tawaran khas, program-program promosi dan/atau pemasaran; dan

- b) menguruskan peraduan-peraduan, pertandingan-pertandingan, dan menjalankan cabutan-cabutan bertuah, termasuk, sekiranya perlu, mengumumkan keputusan peraduan-peraduan, pertandingan-pertandingan dan cabutan-cabutan bertuah ini dan mengenal pasti dan menghubungi pemenang-pemenang tersebut.
- 3.7 Berhubung dengan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan tertentu atau dalam interaksi anda dengan kami, kami juga mungkin memaklumkan atau memaklumkan anda secara khusus mengenai tujuan-tujuan lain dimana kami mengumpul, menggunakan atau menzahir Data Peribadi anda. Jika begitu, kami akan mengumpul, menggunakan dan menzahir Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan tambahan ini.
- 3.8 Data Peribadi anda akan dilindungi dan disimpan secara sulit, tetapi tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang terpakai, Data Peribadi anda mungkin, bergantung kepada produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan, dizahirkan kepada pihak-pihak ketiga seperti dinyatakan di bawah. Penzahiran sedemikian mungkin tertakluk kepada keperluan di sisi undang-undang tambahan di bawah undang-undang yang terpakai, bergantung kepada jenis pemindahan tersebut kepada pihak-pihak ketiga. Data Peribadi anda akan, dalam setiap kes, hanya dizahir setakat yang diperlukan dan bersesuaian.

Pihak-pihak ketiga adalah:

- a) bahagian-bahagian atau entiti-entiti lain dalam Kumpulan CapitaLand;
- b) rakan usahasama / rakan pakatan kami;
- c) ejen-ejen, kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan penasihat-penasihat pakar kami yang telah dilantik untuk membekalkan kami dengan pentadbiran, kewangan, penyelidikan, operasi atau perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti telekomunikasi, teknologi maklumat, pembayaran, gaji, pemprosesan, latihan, penyelidikan pasaran, penyimpanan dan arkib;
- d) mana-mana rakan perniagaan pihak ketiga yang menawarkan barang-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan atau menaja pertandingan-pertandingan atau program-program promosi lain, sama ada bersama dengan kami atau tidak, dan sekiranya dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai;
- e) penanggung-penanggung insuran atau penyiasat insurans dan pembekal-pembekal kredit;

- f) Biro Kredit, atau sekiranya berlaku kegagalan membayar hutang atau pertikaian, mana-mana agensi pengumpulan hutang atau pusat penyelesaian pertikaian;
- g) mana-mana rakan perniagaan, pelabur, pemegang serah hak (*assignee*) atau penerima pindahan (*transferee*) (sebenar atau bakal) untuk memudahkan transaksi-transaksi aset perniagaan (yang mungkin meliputi sebarang penggabungan, pengambilalihan atau penjualan aset) yang melibatkan Kumpulan CapitaLand;
- h) penasihat-penasihat profesional kami seperti juruaudit dan peguam kami;
- i) pengawal selia kerajaan atau pihak berkuasa atau agensi penguatkuasa undang-undang yang berkenaan untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau kaedah dan peraturan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan;
- j) sesiapa yang kami memindahkan atau mungkin memindahkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan kami, termasuk, misalnya dimana kami memperolehi perkhidmatan-perkhidmatan daripada suatu organisasi pihak ketiga untuk mengendalikan mana-mana aspek pemprosesan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang diberitahu kepada anda selaras dengan Dasar ini;
- k) bank-bank, syarikat-syarikat kad kredit dan pembekal-pembekal perkhidmatan mereka masing-masing; dan
- l) mana-mana pihak lain yang telah dipersetujui oleh anda, sebagaimana yang ditentukan oleh anda atau yang telah dimaklumkan kepada anda oleh kami dalam notis berikutnya.

Sekiranya Data Peribadi anda adalah dikongsi dengan pihak ketiga yang bertindak dengan ahli Kumpulan CapitaLand sebagai pengawal bersama di bawah GDPR, kami akan, setakat yang dikehendaki oleh undang-undang, membekalkan anda maklumat tambahan mengenai tanggungjawab setiap pengawal bersama, apa-apa cara tertentu yang anda mungkin menguatkuasa hak-hak anda dan orang utama yang dihubungi untuk permintaan tersebut berhubung dengan hak-hak anda.

- 3.9 Kami menghendaki organisasi-organisasi di luar Kumpulan CapitaLand yang mengendalikan atau memperolehi Data Peribadi sebagai pembekal-pembekal perkhidmatan kepada kami, mengakui kerahsiaan data ini, mengakujanji untuk menghormati hak mana-mana individu untuk privasi dan mematuhi PDPA, GDPR dan mana-mana perundangan perlindungan data yang terpakai. Sebagai kehendak di bawah undang-undang tersebut, kami mungkin dikehendaki untuk mempunyai perjanjian-perjanjian khusus dengan pihak ketiga sedemikian untuk mengawal selia dan melindungi hak-hak perlindungan data anda. Kami juga menghendaki agar organisasi-organisasi tersebut menggunakan maklumat ini hanya untuk tujuan-tujuan kami dan mematuhi arahan-arahan kami berkenaan dengan maklumat ini.

#### **4. Pemindahan Data Peribadi**

- 4.1 Data Peribadi anda mungkin disimpan dalam pelayan (servers) luar yang terletak di luar negara atau negara-negara di luar tempat tinggal anda. Di samping itu, seperti yang diterangkan di atas, dalam menjalankan perniagaan kami, kami mungkin diperlukan untuk berkongsi maklumat tentang anda dengan dan antara syarikat-syarikat kami yang berkaitan dan pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga, yang sebahagiannya mungkin terletak di negara-negara di luar negara kediaman anda. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda dihantar di luar negara kediaman anda adalah dilindungi secukupnya. Tambahan pula, kami akan memastikan bahawa pemindahan tersebut mematuhi kehendak-kehendak perundangan perlindungan data yang terpakai.
- 4.2 Berkenaan dengan aktiviti-aktiviti kami di EU, CapitaLand Investment Limited (syarikat induk The Ascott Limited), CL International Management (UK) Limited, The Ascott Limited dan Citadines SA (anak syarikat milik penuh The Ascott Limited), adalah pengawal data yang utama bagi pemprosesan Data Peribadi, dan masing-masing adalah seperti berikut:

**CapitaLand Investment Limited**

Alamat: 168 Robinson Road #30-01 Capital Tower Singapore 068912

E-mel: [data.protection@the-ascott.com](mailto:data.protection@the-ascott.com)

Nombor telefon: +33141057879

**CL International Management (UK) Ltd**

Alamat: 6th Floor 2 London Wall Place, London, England, EC2Y 5AU

**The Ascott Limited**

Alamat: 168 Robinson Road #30-01 Capital Tower Singapore 068912

E-mel: [data.protection@the-ascott.com](mailto:data.protection@the-ascott.com)

Nombor telefon: +33141057879

**Citadines SA**

Alamat: 120 rue jean jaures F-92532 Levallois-Perret cedex France

E-mel: [dpo.eu@the-ascott.com](mailto:dpo.eu@the-ascott.com)

Nombor telefon: +33 (0)1 41 05 78 00

CapitaLand Investment Limited serta koperasi-koperasi dan ahli-ahli gabungan yang berkaitan dengannya dirujuk sebagai "**Kumpulan Capitaland**". Wakil di EU: Mr Stephane Mayere

**5. Penyimpanan Data Peribadi**

- 5.1 Kami mungkin menyimpan Data Peribadi anda selagi ia diperlukan untuk tujuan-tujuan Data Peribadi dikumpul, dan (i) dalam kebanyakan kes, sehingga tujuh (7) tahun; atau (ii) berkenaan dengan aktiviti-aktiviti kami dalam EU, sehingga sepuluh (10) tahun, melainkan dibenarkan sebaliknya oleh undang-undang yang terpakai atau untuk mempertahankan

tuntutan-tuntuan undang-undang. Apabila kami tidak lagi memerlukan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan tersebut, kami akan berhenti menyimpan Data Peribadi tersebut menurut dasar penyimpanan dalaman kami.

## **6. Hak-hak Anda**

- 6.1 Anda mempunyai hak-hak yang berikut, di bawah perundangan data perlindungan yang terpakai (kecuali apabila pelaksanaannya adalah terhad di bawah undang-undang yang terpakai – sebagai contoh, akibat prosiding-prosiding kehakiman atau menjalankan penyiasatan-penyiasatan), yang mungkin dilaksanakan dengan menghubungi Pegawai Perlindungan Data yang berkenaan dengan butir-butir hubungan yang diberikan di bawah perenggan 10.1. di bawah:
- a) untuk memperolehi pengesahan daripada kami tentang sama ada Data Peribadi anda sedang diproses atau tidak dan untuk meminta sesalinan maklumat anda. Dimana diperlukan di sisi undang-undang, kami mungkin membekalkan maklumat anda dalam format yang mudah diakses dan membantu dalam memindahkan sebahagian maklumat tersebut kepada pihak-pihak ketiga;
  - b) pembetulan Data Peribadi anda. Kami berusaha untuk memastikan bahawa kesemua Data Peribadi yang kami punya mengenai anda adalah tepat dan terkini. Kami faham bahawa maklumat ini sering berubah dengan perubahan alamat dan keadaan peribadi yang lain. Kami menggalakkan anda untuk menghubungi kami secepat mungkin untuk membolehkan kami mengemas kini sebarang Data Peribadi kami punya mengenai anda. Data Peribadi yang tidak lengkap atau tidak terkini mungkin mengakibatkan ketidakupayaan kami untuk membekalkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda minta;
  - c) apabila pemprosesan Data Peribadi anda dilakukan dengan kaedah automatik, anda berhak untuk menerima Data Peribadi anda yang berikan kepada kami dalam format yang tersusun, biasa digunakan dan dapat dibaca oleh mesin atau untuk menuntut penghantaran ke pengawal lain;
  - d) dalam keadaan yang tertentu, anda berhak meminta agar Data Peribadi anda dipadam atau pemprosesan yang terhad;
  - e) sekiranya kami memproses maklumat anda berdasarkan kepentingan sah kami yang dijelaskan di atas, atau demi kepentingan umum, anda boleh membantah terhadap pemprosesan tersebut dalam beberapa keadaan. Dalam kes sedemikian, kami akan berhenti memproses maklumat anda melainkan kami mempunyai alasan yang sah dan kukuh untuk meneruskan pemprosesan atau dimana ia adalah diperlukan atas alasan di sisi undang-undang. Dimana kami menggunakan data anda untuk tujuan pemasaran secara langsung, anda boleh sentiasa membantah dengan menggunakan pautan berhenti langganan (*unsubscribe link*)

dalam komunikasi tersebut atau dengan menghubungi kami di butir-butir hubungan yang diberikan di perenggan 10.1. di bawah;

- f) untuk mencegah apa-apa pemprosesan Data Peribadi yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau kesusahan yang tidak wajar dan besar kepada anda atau individu yang lain;
- g) dimaklumkan mengenai sebarang penggunaan Data Peribadi anda untuk membuat keputusan secara automatik mengenai anda dimana keputusan tersebut menghasilkan kesan undang-undang atau mempunyai kesan yang sama penting terhadap anda, dan untuk memperolehi maklumat yang bermakna tentang logik yang terlibat, serta kepentingan dan akibat pemprosesan ini yang dijangkakan; dan
- h) untuk membuat suatu aduan tentang cara Data Peribadi anda digunakan kepada suatu pihak berkuasa penyeliaan. Sekiranya anda berada di EU, anda boleh menghubungi pihak berkuasa penyeliaan di negara anggota EU di tempat kediaman atau tempat kerja anda atau di mana ahli Kumpulan CapitaLand yang berkaitan yang telah menggunakan Data Peribadi anda berada.

- 6.2 Dimana kami bergantung pada persetujuan anda untuk menggunakan Data Peribadi anda, anda berhak untuk menarik balik persetujuan tersebut pada bila-bila masa. Penarikan ini bagaimanapun tidak akan mempengaruhi kesahihan pemprosesan berdasarkan persetujuan anda sebelum penarikan anda.

Sekiranya anda menarik balik persetujuan anda terhadap mana-mana atau kesemua tujuan dan bergantung kepada jenis permintaan anda, kami mungkin tidak berada dalam kedudukan untuk terus membekalkan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kepada anda. Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa jika anda telah memberi kami persetujuan berkenaan dengan penggunaan nombor(-nombor) telefon Singapura anda untuk menerima maklumat pemasaran atau promosi, persetujuan yang diberikan tidak akan dipengaruhi oleh penarikan persetujuan anda yang lain sesuai dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dasar ini. Sekiranya anda tidak mahu nombor(-nombor) telefon Singapura anda digunakan untuk menerima maklumat pemasaran atau promosi, sila hubungi Pengawai Perlindungan Data yang berkenaan dan nyatakan bahawa anda ingin menarik balik persetujuan anda untuk tujuan tersebut.

- 6.3 Dimana kami memproses Data Peribadi anda berdasarkan kepentingan sah kami yang disebut dalam perenggan 3.3 di atas, anda boleh membantah pemprosesan dalam beberapa keadaan. Dalam kes sedemikian, kami akan berhenti memproses maklumat anda melainkan kami mempunyai alasan yang sah untuk meneruskan pemprosesan atau dimana ia adalah diperlukan atas alasan di sisi undang-undang.
- 6.4 Dimana dimandatkan di bawah perundangan perlindungan data yang terpakai, pelaksanaan hak-hak anda yang dijelaskan atau dirujukkan di atas adalah percuma.

Dalam semua situasi yang lain, kami mungkin mengenakan suatu bayaran untuk menampung kos bagi mengesahkan permintaan dan mencari, mendapat dan menyalin sebarang bahan yang diminta.

- 6.5 Sekiranya anda ingin melaksanakan mana-mana hak anda atau sekiranya anda ingin mengemukakan suatu aduan mengenai bagaimana Kumpulan CapitaLand telah mengendalikan Data Peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data di butir-butir hubungan yang diberikan di perenggan 10.1 di bawah.

## 7. Pengurusan dan Keselamatan

- 7.1 Kami telah melantik Pegawai-pegawai Perlindungan Data untuk mengawal pengurusan Data Peribadi anda menurut Dasar ini dan undang-undang perlindungan data yang terpakai. Kami melatih pekerja-pekerja kami yang mengendalikan Data Peribadi anda demi menghormati kerahsiaan Data Peribadi anda, dan kami menganggap pelanggaran semua Perundangan Perlindungan Data yang terpakai dengan sangat serius.

## 8. Dasar Kuki

- 8.1 Kami menggunakan kuki semasa anda menggunakan laman web kami. Untuk tujuan kami, laman web CapitaLand telah menggunakan platform Cookie Consent Management (CCM) untuk membantu pengguna-pengguna dalam talian kami mengetahui kuki mana yang digunakan di laman web kami dan mengapa ia digunakan. Kami menggunakan dua jenis kuki, Kuki Yang Diperlukan (*Essential Cookies*) dan Cookie Yang Tidak Diperlukan (*Non-Essential Cookies*). Sila lihat Dasar Kuki kami [<https://www.capitaland.com/>] untuk maklumat lebih lanjut.
- 8.2 Laman web kami mungkin mengandungi pautan-pautan ke laman-laman web lain yang diuruskan oleh pihak-pihak ketiga, seperti rakan-rakan perniagaan kami. Kami adalah tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi laman-laman web yang diuruskan oleh pihak-pihak ketiga yang dihubungkan ke laman web kami. Kami telah menerangkan kuki pihak-pihak ketiga dan cookie sosial media di bawah Asal Kuki (*Cookie Provenance*) dalam Dasar Kuki. Kami menggalakkan anda supaya mempelajari dasar-dasar privasi pihak ketiga tersebut. Sebaik sahaja anda telah meninggalkan laman web kami, anda harus menyemak dasar privasi pihak ketiga tersebut yang terpakai di laman web masing-masing untuk menentukan bagaimana mereka akan mengendalikan apa-apa maklumat yang mereka mengumpul daripada anda.

## 9. Dasar Telepemasaran

- 9.1 Perenggan ini mengariskan dasar telepemasaran kami yang hanya berkaitan dengan pengguna-pengguna individu nombor telefon Singapura dan diperkembangkan untuk mematuhi peruntukan Do Not Call (“DNC”) di bawah PDPA. Dasar telepemasaran kami

diguna pakai kepada Kumpulan CapitaLand melainkan kami telah memberitahu anda yang sebaliknya secara bertulis.

9.2 Kami berhasrat untuk mematuhi peruntukan DNC dan pilihan anda untuk menerima mesej-mesej promosi dan pemasaran:

- a) Sekiranya anda telah mendaftarkan nombor telefon Singapura anda dengan daftar DNC Singapura yang berkaitan, kami tidak akan menghantar mesej-mesej promosi dan pemasaran melalui SMS, faks, panggilan dan cara-cara lain (seperti yang berkenaan).
- b) Walau bagaimanapun, sekiranya anda sebelum ini bersetuju kepada kami untuk menghantar mesej-mesej sedemikian ke nombor telefon Singapura anda, kami akan terus berbuat demikian sehingga anda menarik balik persetujuan tersebut, tanpa mengira pencalonan DNC anda.
- c) Selain itu, sekiranya anda mempunyai hubungan yang sedia ada dan berterusan dengan kami, bergantung kepada jenis hubungan tersebut, kami mungkin terus menghantar mesej-mesej promosi atau pemasaran melalui SMS, faks, panggilan atau mana-mana kaedah lain, mengenai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan hubungan yang berterusan tersebut walaupun pendaftaran anda dengan Pendaftar DNC, melainkan anda memilih untuk tidak menerima mesej-mesej tersebut.

## **10. Bagaimana untuk Menghubungi Kami**

10.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai Dasar ini atau sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Data Peribadi anda, atau anda ingin mendapatkan akses dan/atau membuat pembetulan terhadap rekod Data Peribadi anda, sila hubungi Pegawai-pegawai Perlindungan Data yang berkaitan:

Semua negara (kecuali EU, UK dan Georgia)

**Nama:** Dr Freddie Tan, Pegawai Kumpulan Perlindungan Data,  
CapitaLand Investment Limited

**Emel:** groupdpo@capitaland.com

**Nombor:** +65 6713 2705

UK, EU dan Georgia (Pangsapuri Perkhidmatan/Hotel)

Bagi individu-individu yang tinggal di EU (kecuali Germany), UK dan Georgia, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data di bawah:

**Nama:** Stephane Mayere (Mewakili CapitaLand Group – CapitaLand Investment Limited, CL International Management (UK) Ltd, The Ascott Limited, Citadines SA)  
**Emel:** [data.protection@the-ascott.com](mailto:data.protection@the-ascott.com)  
**Nombor:** +33 1 4105 7879

Bagi residen-residen yang tinggal di Germany, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data di bawah

**Nama:** Daniela Hartjes  
**Emel:** [dpo.eu@the-ascott.com](mailto:dpo.eu@the-ascott.com)  
**Nombor:** +33 1 4105 7881

### Malaysia

Bagi individu-individu yang tinggal di Malaysia, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data di bawah:

**Nama:** Low Sue Fung  
**Emel:** [CMAMYDPO@capitaland.com](mailto:CMAMYDPO@capitaland.com)  
**Nombor:** +60 3 2279 9888

## **11. Undang-undang yang Mentadbir**

- 11.1 Dasar ini dan penggunaan laman web ini akan ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Singapura. Untuk mengelakkan keraguan, perundangan perlindungan data yang terpakai akan diguna pakai atas pemprosesan Data Peribadi anda.

## **12. Pemeriksaan Dasar Ini**

- 12.1 Dasar ini akan disemak dari semasa ke semasa oleh kami. Kami juga akan dari semasa ke semasa mengemaskini Dasar ini untuk mengambil kira undang-undang dan teknologi yang baru, perubahan kepada operasi-operasi dan amalan kami dan persekitaran perniagaan yang berubah. Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda sedang membaca versi yang terkini, sila hubungi kami.
- 12.2 Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten diantara versi Bahasa Inggeris dan terjemahan-terjemahan Dasar ini yang lain, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

(Berkuatkuasa 20 September 2021)